


D.R. 30/99



RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta bagi membenarkan perbelanjaan untuk sebahagian daripada tahun yang berakhir pada 31 Disember 2000.

[1 Januari 2000]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kumpulan Wang Disatukan (Perbelanjaan Masuk Akaun) 1999.
- (2) Akta ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2000.

Pembenaran perbelanjaan sebanyak RM18,429,403,000

2. (1) Pada menepati perenggan (a) Perkara 102 Perlembagaan Persekutuan, perbelanjaan sebanyak yang tidak melebihi lapan belas bilion empat ratus dua puluh sembilan juta empat ratus tiga ribu ringgit (RM18,429,403,000) yang akan dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi bahagian tahun 2000 sebelum tarikh mula berkuat kuasanya Akta Perbekalan berkenaan dengan tahun itu adalah dengan ini dibenarkan.
- (2) Amaun yang dibenarkan bagi setiap perkhidmatan yang dinyatakan dalam Ruang (1) Jadual ialah yang dinyatakan dalam Ruang (2).

Rang Undang-Undang

JADUAL

<i>Maksud</i>	Ruang (1) <i>Tajuk</i>	Ruang (2) <i>Amaun</i> (RM)
B. 1	Parlimen	19,499,000
B. 2	Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja	569,000
B. 3	Jabatan Audit	20,903,000
B. 4	Suruhanjaya Pilihan Raya	9,867,000
B. 5	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	7,942,000
B. 6	Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan	3,407,000
B. 7	Jabatan Perdana Menteri	597,865,000
B. 8	Jabatan Perkhidmatan Awam	237,247,000
B. 9	Jabatan Perangkaan	26,244,000
B. 10	Jabatan Peguam Negara	14,774,000
B. 11	Badan Pencegah Rasuah	20,877,000
B. 12	Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah	665,000
B. 13	Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak	487,000
B. 14	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	51,010,000
B. 15	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa	8,279,000
B. 16	Jabatan Bomba dan Penyelamat	94,174,000
B. 17	Kementerian Belia dan Sukan	50,446,000
B. 18	Kementerian Perusahaan Utama	64,687,000
B. 19	Kementerian Pertanian	542,191,000
B. 20	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri	82,675,000
B. 21	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna	47,521,000
B. 22	Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan	101,349,000
B. 23	Jabatan Arkib Negara	7,425,000
B. 24	Jabatan Muzium dan Antikuiti	3,064,000
B. 25	Kementerian Pertahanan	1,959,988,000
B. 26	Kementerian Pendidikan	5,845,683,000

Kumpulan Wang Disatukan
(Perbelanjaan Masuk Akaun)

3

<i>Maksud</i>	Ruang (1) <i>Tajuk</i>	Ruang (2) <i>Amaun</i> (RM)
B. 27	Jabatan Perpustakaan Negara	12,943,000
B. 28	Perbendaharaan	215,616,000
B. 29	Perkhidmatan Am Perbendaharaan	1,338,444,000
B. 30	Peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun	1,280,896,000
B. 31	Jabatan Kastam dan Eksais Diraja	141,503,000
B. 32	Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta	20,155,000
B. 33	Kementerian Kerja Raya	597,768,000
B. 34	Kementerian Kesihatan	2,011,581,000
B. 35	Kementerian Dalam Negeri	71,982,000
B. 36	Polis Diraja Malaysia	934,392,000
B. 37	Jabatan Imigresen	117,953,000
B. 38	Jabatan Pendaftaran Pertubuhan	3,640,000
B. 39	Jabatan Pendaftaran Negara	45,448,000
B. 40	Jabatan Penjara	88,358,000
B. 41	Jabatan Pertahanan Awam	5,212,000
B. 42	Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat	119,613,000
B. 43	Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi	129,998,000
B. 44	Kementerian Penerangan	318,331,000
B. 45	Kementerian Sumber Manusia	68,873,000
B. 46	Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar	119,704,000
B. 47	Kementerian Pengangkutan	169,867,000
B. 48	Kementerian Pembangunan Luar Bandar	175,429,000
B. 49	Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia	16,630,000
B. 50	Kementerian Pembangunan Usahawan	468,281,000
B. 51	Kementerian Luar Negeri	137,948,000
	Jumlah	<hr/> <u>18,429,403,000</u>

HURAIAN

Oleh kerana Rang Undang-Undang Perbekalan bagi tahun 2000 tidak akan diluluskan oleh Parlimen sebelum 1 Januari 2000, peruntukan perlulah dibuat untuk perbelanjaan dalam tahun 2000 bagi tempoh dari 1 Januari 2000 sehingga tarikh Rang Undang-Undang Perbekalan bagi tahun 2000 menjadi undang-undang dan mula berkuat kuasa.

Rang Undang-Undang ini, menurut perenggan (a) Perkara 102 Perlembagaan Persekutuan, bertujuan untuk membenarkan perbelanjaan sebanyak yang tidak melebihi lapan belas bilion empat ratus dua puluh sembilan juta empat ratus tiga ribu ringgit (RM18,429,403,000) yang akan dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi maksud itu.

[PN(U²)2176]